



UNIT PERANCANG EKONOMI JABATAN PERDANA MENTERI

SIARAN MEDIA

**SESI LIBAT URUS PASCA RANCANGAN MALAYSIA KEDUA BELAS
(RMKe-12) BERSAMA KERAJAAN NEGERI MELAKA**

1. Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) bersama Kerajaan Negeri Melaka hari ini telah mengadakan Sesi Libat Urus Pasca Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12). Sesi Libat Urus tersebut dihadiri oleh YAB Datuk Seri Utama (Dr.) Haji Sulaiman bin Md Ali, Ketua Menteri Melaka dan YB Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) yang telah diadakan di Hotel DoubleTree by Hilton Kuala Lumpur.
2. Sesi Libat Urus ini diadakan secara hibrid (bersemuka dan dalam talian) bertujuan untuk membuat hebahan mengenai dasar, strategi dan inisiatif RMKe-12 yang lebih memfokuskan kepada aspek kemiskinan dan juga sektor pelancongan khususnya di negeri Melaka kepada semua pihak berkepentingan di peringkat negeri.
3. Berdasarkan Laporan Anggaran Pendapatan dan Insiden Kemiskinan 2020 yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada Ogos 2021, insiden kemiskinan mutlak negeri Melaka pada tahun 2020

dianggap meningkat kepada 6.1%. Kadar ini adalah masih lebih rendah daripada insiden kemiskinan mutlak nasional pada kadar 8.4% dalam tempoh yang sama.

4. Sehubungan itu, dalam tempoh RMKe-12, penekanan yang lebih akan diberikan kepada usaha menangani isu kemiskinan dan memperkukuh inklusiviti serta mencapai taraf hidup yang wajar. Langkah akan ditumpukan kepada pendidikan dan latihan, keusahawanan, perlindungan sosial untuk semua isi rumah terutama golongan miskin.
5. Sehubungan itu, Sistem eKasih akan disemak semula dan diperkukuh dalam mengenal pasti, melaksana dan memantau program pembasmian kemiskinan bagi meningkatkan ketelusan dan ketepatan data. Pangkalan data bagi mengenal pasti kumpulan sasar dan membangunkan profil isi rumah miskin serta menyediakan bantuan sosial akan disepadukan melalui pembangunan Pangkalan Data Perlindungan Sosial (PDPS) untuk menambah baik program membasmi kemiskinan.
6. Industri pelancongan merupakan antara sektor ekonomi utama di negeri Melaka. Pada tahun 2019, Melaka mencatatkan ketibaan pelawat domestik sebanyak 14 juta orang yang menjana terimaan sebanyak RM6.4 bilion. Dalam pada itu, purata bilangan hari menginap bagi pelawat domestik adalah sebanyak 2.29 hari. Walau bagaimanapun, trend kedatangan pelawat domestik ke negeri Melaka terjejas pada tahun 2020 berikutan penularan wabak COVID-19 yang disusuli dengan perintah kawalan pergerakan. Pada tahun 2020, jumlah pelawat

domestik menurun sebanyak 48% kepada 7.3 juta manakala terimaan menurun kepada RM2.4 bilion berbanding tahun sebelumnya.

7. Kemampanan industri pelancongan Negeri Melaka amat penting, terutamanya kerana kesan limpahan ekonomi yang tinggi daripada sektor ini. Di antara langkah-langkah yang telah Kerajaan gariskan di dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas untuk mencergaskan semula sektor pelancongan termasuklah:
 - a. Mengutamakan elemen kebersihan dan keselamatan dalam semua produk pelancongan;
 - b. Menyediakan produk dan perkhidmatan yang berkualiti;
 - c. Meningkatkan kemampanan produk;
 - d. Memperkukuh penjenamaan dan promosi; dan
 - e. Memantapkan tadbir urus untuk memastikan penyampaian perkhidmatan bermutu tinggi.

8. Kerajaan juga akan memberi tumpuan khusus dan bekerjasama dengan pihak kerajaan negeri dalam menambah baik penyampaian perkhidmatan, penyediaan produk pelancongan yang berkualiti dan menarik selain memperkasa & mempertingkatkan keterlibatan komuniti tempatan dalam pembangunan sektor pelancongan di negeri Melaka. Dalam usaha ini, kekayaan dalam aset warisan dan kedudukan Melaka sebagai UNESCO World Heritage Site akan diperkukuh sebagai tarikan dalam usaha mempromosikan negeri Melaka.

9. Bagi tempoh RMKe-11, Negeri Melaka telah diperuntukkan perbelanjaan pembangunan sebanyak RM2.64 bilion. Bagi tahun 2022, Kerajaan telah memperuntukan RM429 juta bagi Negeri Melaka, iaitu lebih tinggi berbanding RM391 juta pada tahun 2021, untuk melaksanakan 169 projek pembangunan di bawah RMKe-12 yang terdiri daripada 42 projek baharu dan 147 projek sambungan. Antara projek pembangunan yang telah diluluskan termasuklah:
- a. Pembinaan Bangunan Tambahan Hospital Angkatan Tentera Kem Terendak;
 - b. Pembinaan Sekolah Baharu 25 Bilik Darjah, Asrama Pelajar, Kuarters Guru dan Kakitangan di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama, Alor Gajah;
 - c. Membina Jalan Baru dari Jalan Bukit Katil ke Taman Puncak Bukit Katil; dan
 - d. Menaiktaraf Balai Bomba dan Penyelamat Jalan Kubu.
10. Turut hadir di sesi libat urus ini ialah YB. Datuk Zaidi Bin Johari, Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, Datuk Saiful Anuar Bin Lebai Hussen, Ketua Pengarah EPU, JPM, Exco-Exco Negeri Melaka, Pengarah-pengarah EPU, JPM serta Pegawai-pegawai Kerajaan Negeri Melaka dan Jabatan Persekutuan di Melaka.

TAMAT

UNTUK SIARAN SEGERA

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIT PERANCANG EKONOMI
JABATAN PERDANA MENTERI
21 JANUARI 2022**